

## Barangan petrolium

# Projek usahasama Malaysia-Korea di Trengganu

**KUALA LUMPUR, Isnin** — Sebuah projek usahasama untuk barangan petroleum separuh proses antara kerajaan Republik Korea dan Malaysia mungkin akan dilaksanakan di Trengganu.

Ini memandangkan Trengganu mempunyai bahan-bahan mentah untuk projek tersebut, kata Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, selepas beliau dikunjungi oleh Menteri Per-

industrian Republik Korea, Encik Suk Joon Suk di pejabatnya di sini hari ini.

Bellau berkata, keputusan projek usahasama itu bergantung pada perbincangan antara pakar-pakar petroleum Korea dan Petronas.

Datuk Seri Dr. Mahathir menjelaskan, Korea Selatan sebelum ini bercadang untuk mengadakan usahasama dengan Arab Saudi.

"Tetapi kita telah mempelawa Korea Selatan untuk projek itu memandangkan

Malaysia mempunyai bahan-bahan mentah yang diperlukan," ujar bellau.

Datuk Seri Dr. Mahathir yang juga Menteri Perdagangan dan Perindustrian berkata, beberapa perkara perlu dikaji sebelum projek tersebut dilaksanakan.

"Antaranya, kita perlu mencari pasaran bagi barangan yang akan dikeluarkan itu.

"Projek tersebut memerlukan modal yang besar," jelas bellau, dan memberitahu, Malaysia mengalu-alukan rancangan Korea Selatan untuk projek usahasama dalam perusahaan berasaskan getah.

Ini, katanya memandangkan Malaysia mempunyai beberapa kelebihan dari segi harga getah yang murah, tidak ada cukai eksport dan kadar inflasi yang rendah.

Datuk Seri Dr. Mahathir berharap, Korea Selatan dapat membantu Malaysia dari segi keperluan tenaga mahir dalam industri pembi-  
naan.

Mengenal penubuhan perbadanan perindustrian berat, beliau berkata ia telah ditetapkan tetapi belum di-  
daftar lagi.

Kerajaan, katanya telah memperuntukan \$125 juta untuk perbadanan tersebut.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia